

03/05/1998

Tindakan terhadap NGO, 2 akhbar Britain

KUALA LUMPUR: Malaysia mungkin mengambil tindakan terhadap dua akhbar Britain kerana menyiarkan laporan palsu kononnya pihak berkuasa negara ini meracun dan membunuh pendatang tanpa izin Indonesia di kem tahanan.

Pada masa yang sama, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan disiasat dan kemungkinan turut dikenakan tindakan kerana menyalurkan berita palsu itu kepada media asing berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengkaji bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap akhbar Observer dan The Independent yang menyiarkan laporan itu.

"Tidak ada kebenaran dalam dakwaan itu. Ia boleh dianggap sebagai satu usaha yang sengaja dilakukan bagi menggugat dan menjatuhkan imej negara ini, terutama apabila berita itu jelas diberikan oleh salah satu NGO tempatan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sebelum itu, beliau merasmikan Hari Q Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) dan Pelancaran Buku Sejarah `Penggerak Jentera Pembangunan' di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam laporannya awal minggu ini, Observer dan The Independent menuduh Malaysia `meracun beramai-ramai' pelarian dan pekerja tanpa izin rakyat asing untuk melemahkan mereka sebelum dihantar pulang bulan lalu.

Laporan itu turut menyebut anggota keselamatan yang bertanggungjawab menghantar mereka pulang, meracun dan membunuh pendatang itu dengan alasan untuk menghalang mereka daripada datang semula ke negara ini.

British Broadcasting Corporation (BBC) pula dijadualkan menyiarkan rencana mengenai perkara yang sama.

Perdana Menteri berkata, gambar yang disiarkan oleh media asing itu bukan menunjukkan pendatang tanpa izin diracun tetapi gambar kejadian rusuhan yang berlaku di kem tahanan sementara Semenyih.

"Saya ingat mereka ada gambar orang kena racun. Tapi gambar itu gambar lama dengan seorang anggota polis menunjuk kepada perusuh yang mati terbaring.

"Anggota polis itu pun tidak melakukan sebarang kekerasan kepada orang itu. Dia bukannya memukul orang itu, sebaliknya hanya sekadar menunjuk ke arah orang mati itu," katanya.

Mengenai laporan asing kononnya Malaysia dan Indonesia membuat pakatan rahsia untuk menghantar 50,000 pendatang dari republik itu pulang, beliau berkata tidak ada yang hendak dirahsiakan mengenai perkara itu.

"Ini bukan rancangan rahsia tetapi rancangan terbuka," katanya sambil menambah, Indonesia mempunyai tanggungjawab untuk mengambil balik rakyatnya yang masuk ke negara ini tanpa izin kerana mereka tidak ada kerja di sini.

"Malahan mereka (Indonesia) menghantar kapal untuk mengambil pendatang itu... tidak apa yang hendak disembunyikan. Thailand juga berbuat begitu. Singapura merotan mereka dulu tetapi tidak ada yang membuat komen.

(END)